

TINJAUAN KE ATAS STRATEGI DAN KEPERLUAN GURU BUKAN OPSYEN FIZIK MENGAJAR FIZIK

oleh

Prof. Dr. T. Subahan Mohd. Meerah

Email: subhan@ukm.my

Dr. Lilia Halim

Email: lilia@ukm.my

Prof. Dr. Khalijah Salleh

Dr. Ruhizan Mohd. Yassin

Universiti Kebangsaan Malaysia

ABSTRAK

Kekurangan bilangan guru sains khususnya guru fizik merupakan satu fenomena yang sering dihadapi oleh sekolah-sekolah di Malaysia. Kekurangan ini diatasi dengan meminta guru opsyen bukan fizik mengajar fizik dan guru yang mengajar sains teras adalah mereka daripada pengkhususan bukan fizik. Kertas kerja ini melaporkan satu penyelidikan yang melihat kepada strategi dan keperluan guru bukan opsyen fizik mengajar fizik dan sains teras (bahagian komponen ilmu fizik). Kajian tinjauan ini melibatkan 524 responden yang terdiri daripada guru-guru sains yang bukan opsyen fizik. Alat soal selidik yang digunakan melihat kepada kesediaan guru dalam topik-topik fizik untuk diajar, kaedah pengajaran yang perlu dilaksanakan, dan menyoal strategi yang diamalkan oleh mereka dalam membantu pengajaran mereka serta keperluan yang diperlukan oleh mereka untuk mempertingkatkan pengajaran mereka. Dapatan kajian mendapati guru-guru tersebut memerlukan bantuan dalam penyediaan isi pengajaran fizik dan menghadapi masalah dalam topik tertentu khususnya topik elektornik dan fizik moden yang merupakan topik yang paling sukar diajar. Lebih daripada 80% responden didapati tidak cukup persediaan dan perlu mempelajari sendiri konsep fizik dan meluangkan masa untuk mempelajari pengendalian alat

radas daripada pembantu makmal. Implikasi kajian terhadap dalam kursus pra dan dalam perkhidmatan dibincangkan dalam kertas kerja ini serta strategi mengatasi diperingkat tempatan.